



ianya bergerak dalam kedudukan tegak atau sebaliknya. Ujian ini dijalankan bagi memastikan penjarangan roda adalah pada tahap yang memuaskan.

5 Ujian Suspensi

Ujian ini dibuat untuk melihat keberkesanan sistem suspensi pada setiap gandar. Sistem suspensi yang baik bukan sahaja memberikan keselesaan semasa pemanduan tetapi juga untuk mendapatkan kawalan yang baik apabila mengambil selekoh.

6 Ujian Brek

Menguji sistem brek termasuk brek tangan kenderaan adalah sangat penting terutamanya apabila anda melalui jalan yang berlukut dan berbukit. Ujian brek ini menguji kecekapan dan keseimbangan sistem brek pada setiap gandar.

7 Ujian Lampu Puncak

Ujian tahap cahaya lampu puncak kenderaan ini dapat mengelakkan kekeliruan kepada pemandu lain terutamanya dalam keadaan cuaca yang buruk dan gelap.

Pemeriksaan kenderaan secara berkala

MeTro 30/7/12 MS 20

Memastikan kenderaan yang di pandu layak berada di jalan raya merupakan suatu perkara yang amat penting bagi mengelakkan berlakunya kemalangan yang boleh membawa kecederaan ataupun kehilangan nyawa pemandu, penumpang dan pengguna jalanraya yang lain.

Salah satu cara untuk memastikan bahawa kenderaan beroperasi dengan baik dan selamat di jalan raya adalah melalui pelaksanaan pemeriksaan kenderaan secara berkala. Di PUSPAKOM terdapat beberapa peringkat pemeriksaan ditawarkan bagi memastikan keadaan sesebuah kenderaan itu adalah selamat untuk digunakan di atas jalan raya.

Walaupun kenderaan persendirian tidak diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan kenderaan, PUSPAKOM menggalakkan orang ramai menghantar kenderaan untuk pemeriksaan tersebut demi kepentingan keselamatan kenderaan. Antara tujuan dan faedah-faedah yang diperolehi adalah seperti berikut:

A Keselamatan
Menjalani pemeriksaan kenderaan anda sekurang-kurangnya dua kali setahun dapat mengenalpasti kerosakan-kerosakan kenderaan. Jika kerosakan tersebut dapat dikenal pasti lebih awal maka pembaikan awal boleh dilakukan supaya kemalangan dapat dielakkan.

B Penjimatan kos
Menenalpasti kerosakan-kerosakan mekanikal yang kecil sebelum ianya menjadi lebih serius dan menelan kos perbelanjaan memperbaiki kerosakan yang lebih besar.

C Penjimatan Petrol
Pemeriksaan ke atas pengeluaran asap, dapat memastikan enjin kenderaan berada di tahap efisien bagi mengurangkan pembaziran bahan bakar.

D Keyakinan pemandu
Meningkatkan keyakinan pemandu dengan mengetahui bahawa kenderaan berada di dalam keadaan yang optimum dan selamat digunakan.

E Alam sekitar
Pemeriksaan asap dapat memastikan kenderaan anda tidak mengeluarkan asap yang boleh mengancam dan mencemar alam sekitar.

F Kesahihan
Pemeriksaan ini juga dapat memastikan kesahihan identiti kenderaan iaitu sah dari segi undang-undang dan mematuhi Akta Pengangkutan Jalan 1987, di mana ini dapat melindungi pengguna daripada membeli kenderaan bermasalah seperti kenderaan potong sambung atau kenderaan curi.

Oleh itu, sebagai pemandu yang mementingkan ciri-ciri keselamatan dan nyawa yang tersayang, bawalah kenderaan anda untuk menjalani pemeriksaan 10 peringkat di PUSPAKOM di mana perkara-perkara yang diperiksa merangkumi seperti berikut:

1 Identiti Kenderaan
Pemeriksaan identiti kenderaan ini adalah untuk mengesahkan nombor casis dan nombor enjin pada kenderaan

adalah sama, sepertimana yang terdapat pada kad pendaftaran kenderaan. Ini dapat mengesahkan sama ada terdapat gangguan pada kedua-dua nombor ini.

2 Pemeriksaan Bahagian Atas Kenderaan

Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan keadaan fizikal sesebuah kenderaan berkeadaan baik. Antara perkara yang diperiksa adalah keadaan tayar, cermin, pengelap cermin, pintu, tali pinggang keledar dan lain-lain.

3 Ujian Asap

Melalui ujian asap, anda boleh mengetahui tahap karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) yang dikeluarkan oleh kenderaan berenjin petrol, sama ada ianya mengeluarkan asap yang melebihi daripada kadar yang dibenarkan.

4 Ujian Gelincir Sisi

Roda adalah bahagian penting kenderaan dan perlu dijajar untuk memastikan sama ada

8 Ujian Meter Laju

Ujian ini adalah untuk mengesahkan had laju sebenar kenderaan adalah bersamaan berbanding had laju yang ditunjukkan pada meter laju kenderaan. Memastikan meter laju berada di dalam keadaan yang baik adalah penting supaya pemandu dapat mengawal kelajuan dan menepati had laju yang dibenarkan.

9 Ujian Bawah Kenderaan

Pemeriksaan rapi bahagian bawah kenderaan dijalankan untuk memastikan ianya dalam keadaan yang baik, termasuklah komponen seperti lantai, paip ekzos, paip bendalir brek dan kerangka casis serta sambungan-sambungan lain.

10 Ujian Ketelusan Cermin

Ujian ini adalah untuk mengukur tahap ketelusan cahaya pada cermin kenderaan mengikut tahap ketelusan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

